

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN TAHUN DAN HARI ANTARABANGSA UNTUK MEMBASMI
KEMISKINAN
Lokasi : HOTEL NIKKO, KUALA LUMPUR
Tarikh : 21-11-1996

1. Bersyukur kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul di Majlis ini pada hari ini.
2. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana menjemput saya untuk melancarkan acara-acara peringkat Malaysia bagi sambutan Tahun dan Hari Antarabangsa Untuk Membasmi Kemiskinan.
3. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan tahun 1996 sebagai Tahun Antarabangsa Untuk Membasmi Kemiskinan. Objektif Tahun Antarabangsa ini adalah untuk menyedarkan orang ramai mengenai faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan dan cara-cara untuk membasminya. Kemiskinan yang begitu meluas sekali di negara-negara membangun sejak 30 tahun yang lepas telah menimbulkan kekhawatiran mengenai masalah ini.
4. Satu hakikat yang penting disedari ialah walaupun pendapatan per kapita di negara-negara membangun telah meningkat sebanyak 3.5 peratus setahun, satu pertiga penduduk, atau 1.3 bilion orang, masih miskin. Berjuta-juta orang kanak-kanak tidak dapat ke sekolah, iaitu 130 juta di peringkat sekolah rendah dan 275 juta di peringkat sekolah menengah. Dalam pada itu, 17 juta orang mati tiap-tiap tahun disebabkan penyakit-penyakit seperti diarrhoea, malaria dan tuberculosis.
5. Di Asia pula, 170 juta orang di Asia Timur hidup di bawah garis kemiskinan pada tahun 1990 sementara 100 juta kanak-kanak tidak dapat meneruskan persekolahan di peringkat menengah. Hampir satu juta kanak-kanak di Asia Timur mati sebelum mencapai umur lima tahun. Di Asia Tenggara dan Pasifik, hanya 55 peratus penduduk luar bandar yang mendapat bekalan air yang selamat.
6. Dengan keadaan kemiskinan yang begitu teruk sekali, tidak hairanlah masyarakat antarabangsa, melalui PBB, bersetuju mengisytiharkan tahun 1996 sebagai Tahun Antarabangsa Untuk Membasmi Kemiskinan. Malah, PBB akan mengisytiharkan tahun 1997 hingga 2006 sebagai "The FIRST INTERNATIONAL DECADE FOR THE ERADICATION OF POVERTY" untuk menyedar dan merayu semua Kerajaan di dunia supaya memberi fokus kepada program-program pembasmian kemiskinan.
7. Walaupun senario kemiskinan di peringkat antarabangsa amat merisaukan, kita merasa bertuah dan bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana kemiskinan yang terdapat di negara-negara Dunia Ketiga, terutama sekali yang diakibatkan oleh peperangan atau bencana alam, tidak terdapat di negara kita.
8. Usaha-usaha Kerajaan Malaysia untuk menangani kemiskinan bermula pada tahun 1971 apabila Kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai objektif untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Matlamat yang lebih tinggi adalah untuk mewujudkan perpaduan di antara kaum-kaum di Malaysia. Berasaskan kepada objektif ini, usaha-usaha pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan berteraskan kepada tiga strategi utama iaitu: - meningkatkan produktiviti dan pendapatan bagi mereka-mereka dalam pekerjaan yang berproduktiviti rendah menerusi penggunaan teknik-teknik moden; - memperluaskan peluang-peluang untuk pergerakan antara sektor daripada aktiviti-aktiviti berproduktiviti rendah kepada aktiviti-aktiviti yang berproduktiviti tinggi seperti di skim-skim pembukaan tanah baru; dan - menyediakan kemudahan-kemudahan bantuan samada secara percuma atau subsidi seperti bekalan elektrik, air dan pengangkutan, perkhidmatan kesihatan dan perubatan, dan kemudahan-kemudahan pendidikan, khususnya untuk meningkatkan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah.
9. Pada tahun 1976, kadar kemiskinan bagi seluruh negara ialah 42 peratus, yang mana kadar kemiskinan di luar bandar adalah 51 peratus dan 19 peratus di kawasan bandar. Di akhir tempoh Dasar

Ekonomi Baru, iaitu pada tahun 1990, kadar kemiskinan bagi seluruh negara telah turun ke 17 peratus. Bilangan isirumah miskin bagi seluruh negara pada ketika itu ialah seramai 619,400 isirumah.

10. Kejayaan kita membasmi kemiskinan antara lain adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti: - komitmen politik yang tinggi; - dasar-dasar awam yang inovatif dan "flexible"; - kumpulan sasar yang jelas dikenalpasti - sokongan peruntukan kewangan yang berterusan; dan - jentera pelaksanaan Kerajaan yang berkesan;

11. Usaha-usaha pembasmian kemiskinan oleh Kerajaan tidak berakhir dengan tamatnya Dasar Ekonomi Baru.

Kerajaan terus memberi pengiktirafan bahawa masih terdapat sebilangan kecil rakyat Malaysia yang masih miskin. Justeru itu, bagi tempoh 1991 hingga tahun 2000, iaitu dalam tempoh Dasar Pembangunan Nasional, Kerajaan terus memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan khususnya bagi golongan termiskin dan juga kepada kemiskinan relatif.

12. Kita harus berbangga bahawa di akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam, iaitu pada tahun 1995, kadar kemiskinan di negara kita terus turun ke 8.9 peratus dimana hanya terdapat 370,000 isirumah miskin di seluruh negara. Kualiti hidup rakyat juga turut meningkat.

13. Walaupun begitu, masih terdapat sebilangan kecil rakyat Malaysia yang masih miskin seperti masyarakat Orang Asli dan masyarakat Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Masyarakat-masyarakat ini tinggal terpencil jauh dari pusat-pusat pembangunan.

Pada tahun 1993, kadar kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli masih tinggi, iaitu 81 peratus dan perkampungan mereka masih lagi kekurangan kemudahan asas yang boleh membantu meningkatkan kualiti hidup mereka. Negeri-negeri Sabah dan Sarawak juga mengalami kadar kemiskinan yang tinggi, iaitu masing-masing pada kadar 34 peratus dan 21 peratus pada tahun 1990.

14. Walaupun kemiskinan di kalangan kumpulan-kumpulan tertentu masih wujud, adalah diharapkan bahawa dengan penglibatan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor, Yayasan Kemiskinan Kelantan dan Yayasan Usaha Maju di Sabah, masalah-masalah kemiskinan dapat ditangani dengan baik.

Saya difahamkan Amanah Ikhtiar Malaysia telah dapat mengeluarkan pinjaman tanpa faedah kepada lebih daripada 38,000 peminjam. Jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia sehingga 31 Julai 1996 ialah RM 97.9 juta. Saya berbangga dengan kejayaan Amanah Ikhtiar Malaysia ini, kerana hampir 100 peratus peminjam atau sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia adalah kaum wanita. Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor pula lebih menitikberatkan program-program latihan dan pendidikan disamping menyediakan program-program pembangunan sosial.

Setakat ini seramai 2,673 kanak-kanak sekolah dan belia-belia daripada keluarga miskin telah mendapat faedah daripada program-program ini yang dijalankan dengan sokongan syarikat-syarikat swasta.

15. Juga, saya diberitahu melalui Program BAKTIDESIA yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, seramai 26 buah syarikat swasta telah bersetuju untuk bersama-sama dengan Kerajaan melaksanakan berbagai projek ekonomi dan pembangunan manusia yang diuruskan terus kepada masyarakat luar bandar, terutamanya kepada mereka yang miskin.

16. Bersama-samalah kita berdoa agar cita-cita kita untuk mensifarkan kadar kemiskinan mutlak akan tercapai. Saya menyeru kepada semua pihak, samada Kementerian atau Agensi Kerajaan, Badan-badan bukan Kerajaan dan pihak swasta untuk sama-sama berusaha dengan lebih gigih untuk memerangi kemiskinan di negara ini.

17. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Tahun/Hari Antarabangsa Untuk Membasmi Kemiskinan di Malaysia.